

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 11/04/2019

Edisi / Muka Surat : Selatan / 35

Tajuk : 100,000 dijangka serbu karnival MACCOPS

## 100,000 dijangka serbu karnival MACCOPS

**Batu Pahat:** Lebih 100,000 pengunjung dijangka mengunjungi Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) di Pusat Konvensyen Persada Johor pada 28 November hingga 1 Disember ini.

Karnival dwi tahunan dianjurkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan menyediakan 200 ruang pameran berkaitan kegiatan perniagaan koperasi.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, program yang dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Mala-

ysia (SKM) itu dijangka memperkasakan rantaian kerjasama koperasi negara di dalam pelbagai sektor ekonomi dan perniagaan.

"Johor dipilih sebagai tuan rumah edisi keempat penganjuran MACCOPS selepas ia diperkenalkan pada 2014. Pada program ini, kami menyediakan konvensyen usahawan, jaringan dagangan dan sesi pepadanan perniagaan.

"MACCOPS 2019 akan meneruskan fokus mentransformasikan pembangunan perniagaan gerakan koperasi dan menyediakan lebih banyak peluang sama ada di peringkat domestik

mahu pun global.

"Antara lapan sektor utama diberi tumpuan adalah pemborongan dan peruncitan, komuniti, pelancongan dan kesihatan; pertanian; perdagangan, kewangan; komuniti, hartanah, inovasi dan teknologi," katanya selepas merasmikan Persidangan ANGKASA Negeri Johor di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam.

Turut hadir, Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA, Borhan Mat Aris dan Pengerusi ANGKASA Johor, Sazali Abd Hamid.



ABDUL Fattah (tengah) menyampaikan anugerah sumbangan sudut Laman Angkasa kepada Pengerusi Koperasi MRSM Batu Pahat, Emiruddin Jaafar pada Persidangan ANGKASA Negeri Johor, semalam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA